



Permodalan Nasional Berhad
(1821-BK)




Amanah Saham Nasional Berhad
(4142-M)

Anak syarikat milik penuh PNB

LAPORAN TAHUNAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2011

MEMBERI PEMEGANG-PEMEGANG
UNIT PELUANG PELABURAN
JANGKA PANJANG YANG MENJANA
PULANGAN YANG KOMPETITIF DAN
BERTERUSAN MENERUSI
PELABURAN DALAM PORTFOLIO
YANG DIPELBAGAIKAN.



ISI KANDUNGAN

NO	TAJUK	MUKA SURAT
I	Maklumat Tabung	3
II	Prestasi Tabung	4
III	Laporan Pengurus	8
IV	Penyata Pengurus	13
V	Penyataan Pemegang Amanah	14
VI	Laporan Juruaudit	15
VII	Penyata Kewangan	
	A. Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	17
	B. Penyata Aliran Tunai	18
	C. Nota-nota Berkenaan Penyata Kewangan	19
VIII	Maklumat Korporat	36

LAPORAN PENGURUS AMANAH SAHAM MALAYSIA (ASM)

Para pemegang-pemegang unit ASM yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASM, dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASM bagi tahun berakhir 31 Mac 2011.

I. MAKLUMAT TABUNG

a. Kategori dan Jenis Tabung	Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
	Amanah Saham Malaysia	Ekuiti	Pendapatan
b. Objektif Pelaburan Tabung	Objektif pelaburan ASM adalah untuk memberi peluang kepada pemegang-pemegang unit membuat pelaburan jangka panjang untuk menjana pulangan yang kompetitif dan berterusan menerusi pelaburan dalam portfolio yang dipelbagaikan.		
c. Penanda Aras Tabung	ASM yang diurusniagakan pada harga tetap menggunakan penanda aras Kadar Faedah Pasaran Wang Antara Bank 3-bulan (KLIBOR 3-bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya.		
d. Polisi Pengagihan Pendapatan Tabung	ASM akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.		
e. Pegangan Unit	Pada 31 Mac 2011, seramai 549,683 individu telah menyertai ASM. Pecahan pegangan unit adalah seperti berikut:		
	Pecahan Pegangan Unit	Bilangan Pemegang Unit	Bilangan Unit Dilangan
	5,000 ke bawah	223,560	283,081,186
	5,001 - 10,000	58,051	392,735,141
	10,001 - 50,000	202,947	4,428,382,475
	50,001 - 500,000	64,616	6,324,753,165
	500,001 ke atas	509	425,186,425
	Jumlah	549,683	11,854,138,392

II. PRESTASI TABUNG

a. Perumpukan Aset Mengikut Sektor Pada Nilai Pasaran

Sektor	% berdasarkan Nilai Aset Bersih Tabung		
	31.03.2011	31.03.2010	31.03.2009
Pelaburan Ekuiti Disebut Harga			
Pembinaan	2.51	5.05	3.43
Barangan Pengguna	5.14	4.31	6.32
Kewangan	20.55	14.33	17.49
Barangan Industri	3.14	3.73	2.07
Infrastruktur	4.50	4.79	6.65
Perladangan	4.32	5.21	4.25
Hartanah	1.04	1.27	1.93
Perdagangan / Perkhidmatan	29.69	28.16	22.49
Lain-lain sektor	0.89	0.23	0.38
Jumlah Pelaburan Ekuiti Disebut Harga	71.78	67.08	65.01
Pelaburan di dalam unit amanah tidak disebut harga			
	1.67	1.84	3.43
Pelaburan di pasaran saham dan unit amanah			
	73.45	68.92	68.44
Pelaburan di pasaran modal dan lain-lain aset bersih			
	26.55	31.08	31.56
Jumlah	100.00	100.00	100.00

b. Pelaburan Disebut Harga Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2011

Syarikat	Kos sebagai peratusan atas nilai aset bersih pada kos %	Nilai pasaran sebagai peratusan atas nilai aset bersih pada nilai pasaran %
Pembinaan		
Gamuda Berhad	1.24	1.30
IJM Corporation Berhad	0.50	0.63
WCT Berhad	0.32	0.27
WCT Berhad – Waran (Luput:10/3/2026)	0.01	0.01
YTL Corporation Berhad	0.33	0.30
	2.40	2.51

II. PRESTASI TABUNG (SAMB.)

b. Pelaburan Disebut Harga Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2011 (Samb.)

Syarikat	Kos sebagai peratusan atas nilai aset bersih pada kos %	Nilai pasaran sebagai peratusan atas nilai aset bersih pada nilai pasaran %
Barangan Industri		
Lafarge Malayan Cement Berhad	0.16	0.17
Petronas Gas Berhad	2.44	2.61
Shell Refining Company (Federation of Malaya) Berhad	0.38	0.36
	2.98	3.14
Hartanah		
KLCC Property Holdings Berhad	0.45	0.43
SP Setia Berhad	0.47	0.58
Sunway City Berhad	0.03	0.03
	0.95	1.04
Projek Infrastruktur		
DIGI.Com Berhad		
Lingkar Trans Kota Holdings Berhad	2.53	3.07
Puncak Niaga Holdings Berhad	0.20	0.29
YTL Power International Berhad	0.09	0.08
	1.11	1.06
	3.93	4.50
Barangan Pengguna		
British American Tobacco (Malaysia) Berhad		
Dutch Lady Milk Industries (Malaysia) Berhad	1.57	1.64
JT International Berhad	-	0.01
Nestle (Malaysia) Berhad	0.14	0.25
PPB Group Berhad	0.13	0.20
PROTON Holdings Berhad	1.28	1.16
UMW Holdings Berhad	0.39	0.27
Yeo Hiap Seng (M) Berhad	1.45	1.59
	0.03	0.02
	4.99	5.14
Kewangan		
AMMB Holdings Berhad	0.82	0.89
CIMB Group Holdings Berhad	2.54	2.68
EON Capital Berhad	0.29	0.27
Hong Leong Bank Berhad	0.73	0.70
Malayan Banking Berhad	8.41	9.55

II. PRESTASI TABUNG (SAMB.)

b. Pelaburan Disebut Harga Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2011 (Samb.)

Syarikat	Kos sebagai peratusan atas nilai aset bersih pada kos %	Nilai pasaran sebagai peratusan atas nilai aset bersih pada nilai pasaran %
Kewangan (Samb.)		
MNRB Holdings Berhad	0.40	0.29
Public Bank Berhad - Foreign	1.77	1.73
Public Bank Berhad	3.08	3.44
RHB Capital Berhad	1.00	1.00
	19.04	20.55
Perdagangan & Perkhidmatan		
Alam Maritim Resources Berhad	0.01	0.01
Amway (Malaysia) Holdings Berhad	0.41	0.47
Axiata Group Berhad	1.84	2.07
Bintulu Port Holdings Berhad	0.28	0.29
Kencana Petroleum Berhad	0.10	0.10
KFC Holdings (Malaysia) Berhad	0.05	0.08
Maxis Berhad	4.67	4.48
Malaysia Airports Holdings Berhad	0.08	0.12
Malaysia Marine and Heavy Engineering Holding Berhad	0.31	0.52
MISC Berhad	3.77	3.09
MMC Corporation Berhad	0.26	0.25
Petronas Dagangan Berhad	0.42	0.75
Plus Expressways Berhad	2.94	3.18
Sime Darby Berhad	6.79	6.92
Star Publications (Malaysia) Berhad	0.61	0.59
Shin Yang Shipping Corporation Berhad	0.03	0.03
Tenaga Nasional Berhad	6.52	5.34
Telekom Malaysia Berhad	1.13	1.40
	30.22	29.69
Perladangan		
IJM Plantations Berhad	0.08	0.09
IOI Corporation Berhad	3.78	3.59
Kuala Lumpur Kepong Berhad	0.54	0.64
	4.40	4.32
Teknologi		
Malaysian Pacific Industries Berhad	0.13	0.11
	0.13	0.11

II. PRESTASI TABUNG (SAMB.)

b. Pelaburan Disebut Harga Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2011 (Samb.)

Syarikat	Kos sebagai peratusan atas nilai aset bersih pada kos %	Nilai pasaran sebagai peratusan atas nilai aset bersih pada nilai pasaran %
REITs		
Axis Real Estate Investment Trust Berhad	0.10	0.13
Capitalmalls Malaysia Trust	0.30	0.28
Sunway Real Estate Investment Trust	0.37	0.37
	0.77	0.78
Jumlah saham disebut harga	69.81	71.78
Lain-lain aset tolak liabiliti	30.19	28.22
	100.00	100.00

c. Perbandingan Maklumat Kewangan Bagi Tempoh 3 Tahun

Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac	2011	2010	2009
Unit Dalam Edaran (Juta)	11,865	11,213	7,213
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ¹	1.01	1.03	1.01
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ²	0.39	0.42	0.23

Nota:

- Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berbanding dengan asas harian.*
- Nisbah Pusing Ganti Portfolio adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan.*

d. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP)

NPGP ASM bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011 turun kepada 0.39 kali daripada 0.42 kali bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2010. Penurunan ini adalah disebabkan oleh aktiviti jual beli yang rendah dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2010.

e. Purata Pulangan Tahunan

Purata pulangan tahunan bagi ASM adalah seperti berikut:

Pulangan	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit) ¹	6.38	6.31	6.71
KLIBOR 3-bulan (%) ²	3.00	2.54	2.96

II. PRESTASI TABUNG (SAMB.)

e. Purata Pulangan Tahunan (Samb.)

Nota:

- a) 1 tahun ialah pengagihan pendapatan bagi tahun tersebut.
 - b) 3 tahun ialah pengagihan pendapatan tahun tersebut ditambah dengan pengagihan pendapatan bagi 2 tahun sebelumnya dan dibahagikan dengan 3.
 - c) 5 tahun ialah pengagihan pendapatan tahun tersebut ditambah dengan pengagihan pendapatan bagi 4 tahun sebelumnya dan dibahagikan dengan 5.
2. Kadar KLIBOR 3-bulan adalah berdasarkan kepada faedah penghujung bulan.

III. LAPORAN PENGURUS

a. Prestasi Tabung

ASM telah berupaya mencapai objektif pelaburannya dalam menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif dan konsisten kepada pemegang unit, untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac, 2011. ASM telah memperolehi pendapatan dari dividen kasar dari saham disebut harga, keuntungan bersih ternyata daripada jualan pelaburan, dan lain-lain pendapatan, seperti jadual berikut:

Sumber Pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac		
	2011	2010	2009
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Dividen kasar dari saham disebut harga	363.70	261.74	221.85
Keuntungan bersih ternyata daripada jualan pelaburan	424.06	431.10	141.01
Lain-lain Pendapatan	148.06	115.69	87.11
Jumlah Pendapatan	935.82	808.53	449.97

b. Perbandingan Prestasi Tabung Dengan Penanda Aras

Bagi tempoh kewangan berakhir pada 31 Mac 2011, ASM telah mengagihkan pulangan pendapatan sebanyak 6.38 sen seunit atau 6.38% berbanding dengan 3.00% Kadar Faedah Pasaran Wang Antara Bank 3-bulan (“KLIBOR 3-bulan”) yang dicatatkan pada penghujung bulan tersebut (Sumber: Bank Negara Malaysia, BNM). Kadar pulangan pendapatan bagi ASM adalah lebih tinggi daripada tahun sebelumnya sejajar dengan keadaan ekonomi dan pelaburan semasa tabung.

Pulangan	Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac				
	2011	2010	2009	2008	2007
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	6.38	6.30	6.25	7.80	6.80
KLIBOR 3-bulan (%)*	3.00	2.54	2.08	3.60	3.59

Nota:

- * Kadar KLIBOR 3-bulan adalah berdasarkan kepada faedah penghujung bulan bagi sesuatu tahun kewangan.

c. Polisi Pelaburan

Polisi pelaburan ASM adalah melabur dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan terutamanya, sekuriti saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sekuriti yang tidak disenaraikan, instrumen berpendapatan tetap dan pasaran wang serta lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang dibenarkan dalam Suratikatan ASM.

III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

d. Strategi Pelaburan

Bagi tempoh dua belas bulan berakhir 31 Mac 2011, strategi pelaburan pihak pengurusan ASM telah dilaksanakan dengan perumpukan aset antara ekuiti dan sekuriti berpendapatan tetap yang difikirkan wajar berdasarkan keadaan ekonomi dan pasaran modal global dan tempatan. Tumpuan lebih diberikan kepada aset ekuiti berbanding dengan aset sekuriti berpendapatan tetap untuk menjana pulangan yang lebih tinggi dalam bentuk pulangan modal dan juga dividen, sejajar dengan risiko pasaran yang diambil.

Untuk pilihan sektor, pengurusan pelaburan ASM telah meningkatkan perumpukan pelaburan di dalam sektor-sektor tertentu seperti kewangan, perladangan dan pembinaan yang dijangkakan dapat memberi keuntungan modal dan dividen yang tinggi. Untuk pilihan saham, pengurusan pelaburan ASM memastikan pelaburan dibuat ke atas syarikat yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh, prospek masa depan yang cerah dan memberi pulangan dividen yang tinggi. Berdasarkan sentimen pasaran yang positif, pelaburan ditumpukan kepada saham-saham yang diniagakan di bawah harga wajar dan yang dijangkakan akan mencatatkan pertumbuhan pendapatan korporat yang lebih mantap dan pulangan dividen yang tinggi.

Pengurus dana turut melabur di dalam sekuriti pendapatan tetap untuk mempelbagaikan pelaburan di samping mengurangkan risiko portfolio. Pelaburan di dalam sekuriti pendapatan tetap dilakukan setelah pengurus dana melakukan analisa kredit. Pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap mementingkan penarafan kredit sekurang-kurangnya taraf 'A' yang diberikan oleh Rating Agency Malaysia Berhad (RAM) atau setaraf dengannya yang diberikan oleh agensi penarafan di Malaysia. Pengurus dana juga sentiasa mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala dengan mengambil kira perubahan ekonomi serta keadaan semasa pasaran saham tempatan dan global untuk mengekalkan pengagihan pendapatan yang kompetitif.

e. Ulasan Pasaran

Tinjauan Pasaran Modal

Bagi tempoh dua belas bulan berakhir 31 Mac 2011, penanda aras utama Bursa Malaysia iaitu Financial Times Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBM KLCI) telah mencatatkan kenaikan sebanyak 224.56 mata atau 17% untuk ditutup pada paras 1,545.13 mata pada 31 Mac 2011 berbanding paras 1,320.57 mata yang dicatatkan pada 31 Mac 2010. Bagi tempoh yang sama, FBM KLCI telah mencatat paras tertinggi 1,574.49 mata pada 17 Januari 2011, manakala paras terendah 1,248.94 mata dicatatkan pada 26 Mei 2010.

Secara keseluruhannya prestasi pasaran saham sepanjang tempoh tinjauan adalah positif didorong oleh pertumbuhan ekonomi Malaysia yang berterusan dan sokongan daripada peningkatan aktiviti dalam negeri yang kukuh, seiring dengan keadaan pasaran global yang bertambah baik. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar 2010 sebanyak 7.2% dipacu oleh permintaan dalam negeri yang teguh, dengan peningkatan yang kukuh dalam aktiviti sektor swasta. Keadaan pasaran pekerjaan yang lebih baik, peningkatan pendapatan yang stabil serta akses kepada kredit yang berterusan berikutan persekitaran monetari

III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

e. Ulasan Pasaran (Samb.)

Tinjauan Pasaran Modal (Samb.)

yang akomodatif turut menyokong perbelanjaan pengguna. Sektor swasta terus menyokong pertumbuhan negara dengan peningkatan pelaburan swasta sebanyak 5.5% berbanding tahun 2009 sebanyak 8.0%. Sebahagian peningkatan ini mencerminkan kesinambungan pakej rangsangan kedua yang berjumlah RM5 billion pada separuh tahun pertama 2010. Perbelanjaan pembangunan disalurkan terutamanya ke arah menambah baik infrastruktur luar bandar, pengangkutan awam di bandar serta mempertingkatkan penyediaan pendidikan awam dan perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Sejajar dengan prestasi FBM KLCI, kesemua sektor utama indeks dalam pasaran saham telah mencatatkan peningkatan, dipengaruhi oleh sektor-sektor utama seperti kewangan dan pembinaan. Sektor kewangan mencatatkan kenaikan indeks sebanyak 2,196.98 mata atau 18.61% untuk ditutup pada paras 14,004.71 mata kerana terus mempamerkan daya tahan yang tinggi disokong oleh permodalan yang kukuh dan kualiti kredit yang stabil. Peningkatan indeks sektor kewangan didorong oleh prestasi kaunter-kaunter utama seperti RHB Capital Berhad (52.13%), AMMB Holdings Berhad (29.80%), Malayan Banking Berhad (19.95%) dan CIMB Group Holdings Berhad (18.51%). Sektor pembinaan pula mencatatkan kenaikan indeks sebanyak 41.42 mata atau 17.21% untuk ditutup pada paras 282.11 mata. Kaunter utama dalam sektor pembinaan yang mendorong kenaikan indeks FBM KLCI adalah Gamuda Berhad (33.10%). Pihak Kerajaan telah pun mula kerja-kerja pelaksanaan sebahagian projek-projek infrastruktur yang telah dibentangkan menerusi Program Transformasi Ekonomi (ETP) seperti KL Mass Rapid Transit (MRT) system dan High Speed Rail.

Di pasaran wang domestik pula, pihak Bank Negara Malaysia telah menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) secara beransur-ansur, setiap kali sebanyak 25 mata asas dalam dua mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari pada bulan Mei dan Julai 2010 dan sehingga kini mengekalkan OPR pada kadar 2.75%. Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka sederhana pada awal tahun 2011 dan seterusnya meningkat sepanjang tahun, didorong oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang kukuh. Inflasi dalam negeri telah meningkat sebanyak 2.4% pada bulan Januari 2011 dan dijangka terus meningkat disebabkan kenaikan ketara harga komoditi dan tenaga global. Pada paras semasa OPR, pendirian dasar monetari akan terus kekal akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Namun, dasar monetari yang akomodatif ini mungkin perlu dikaji semula berikutan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan wujudnya risiko kepada inflasi. Ini bagi memastikan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia yang berterusan. (Sumber: Pernyataan Dasar Monetari, Bank Negara Malaysia 11 Mac 2011).

Prospek Ekonomi dan Pasaran Modal

Ekonomi dunia dijangka akan terus mengalami pemulihan yang kukuh bagi tahun 2011 dan dijangka akan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.4% (Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, Januari 2011). Sementara itu, benua Asia

III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

e. Ulasan Pasaran (Samb.)

Prospek Ekonomi dan Pasaran Modal (Samb.)

dijangka akan mengalami pertumbuhan ekonomi pada kadar yang lebih tinggi iaitu 8.4% berbanding dengan negara-negara maju pada kadar 2.5% bagi tahun 2011 (Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, Januari 2011). Pertumbuhan ekonomi dunia dijangka akan diterajui oleh negara-negara membangun seperti China dan India yang diunjurkan akan berkembang sebanyak 9.6% dan 8.4% bagi tahun 2011 (Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, Januari 2011).

Ekonomi Malaysia diunjurkan akan berkembang pada kadar 5.0% - 6.0% (Sumber: Bank Negara Malaysia atau BNM) bagi tahun 2011, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh. Pertumbuhan ekonomi ini juga didorong oleh sentimen perniagaan yang bertambah baik dalam persekitaran pelaksanaan langkah-langkah fiskal yang berterusan dan dasar monetari yang akomodatif. Sentimen dan keyakinan pelabur dalam jangka masa panjang dijangka akan meningkat dengan pengumuman beberapa inisiatif baru oleh kerajaan seperti Rancangan Malaysia ke-10 dan Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme atau ETP). ETP dijangka akan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Program ini memberi fokus kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (National Key Economic Areas atau NKEA) yang dijangka akan memberikan kesan positif yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Namun demikian, risiko utama ke atas prospek ekonomi negara tidak mencapai sasaran terletak pada faktor-faktor ekonomi luaran. Beberapa krisis utama yang masih berterusan seperti; i) krisis politik di Timur Tengah dan Afrika Utara, ii) gempa bumi dan masalah loji nuklear di Jepun, iii) kelemahan dalam sektor kewangan global dan iv) masalah hutang yang tinggi di beberapa buah negara Eropah, akan memberi tekanan ke atas kadar inflasi dan kadar faedah yang dapat melumpuhkan usaha pemulihan ekonomi global. Ketidakpastian dalam pasaran antarabangsa ini juga dijangka akan menyebabkan turun naik yang ketara dalam arah aliran modal yang boleh mewujudkan ketidakseimbangan dalam sistem ekonomi dan kewangan negara.

Di pasaran wang domestik pula, BNM dijangka akan terus mengekalkan dasar monetari yang akomodatif untuk menyokong pertumbuhan dan dalam masa yang sama menguruskan risiko inflasi. Walaubagaimanapun, bagi mengelak ketidakseimbangan kewangan daripada berlaku yang berpunca daripada mudah tunai global yang tinggi, aliran modal yang turun naik dan harga komoditi yang tinggi, tahap dasar monetari yang sedia ada mungkin akan dikaji semula.

Walau bagaimanapun, adalah diingatkan bahawa potensi bagi pasaran tempatan untuk terus meningkat dan menguji paras tertinggi dalam tempoh kewangan ASM masih bergantung kepada asas ekonomi tempatan serta perkembangan proses pemulihan ekonomi global.

III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

f. Pengagihan Pendapatan

Perbandingan pengagihan pendapatan ASM bagi tempoh 3 tahun:

Pengagihan Pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac		
	2011	2010	2009
Sen seunit	6.38	6.30	6.25
RM Juta	755.05	652.43	406.87
Tarikh pembayaran	1 April 2011	1 April 2010	1 April 2009

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan, jika dibayar, mungkin turun atau naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit minimum bulanan yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit dalam tempoh kewangan tersebut.

g. Perubahan Yang Ketara Terhadap Kedudukan Tabung Dalam Tempoh Kewangan

Tiada sebarang perubahan yang ketara sepanjang tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2011.

h. Situasi yang Boleh Menjejaskan Kepentingan Pemegang Unit

ASNB dan ASM tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

i. Komisyen Ringan

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisyen ringan daripada broker dan/atau wakil urus niaga berhubung dengan urus niaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

AMANAH SAHAM MALAYSIA PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit
PENYATA PENGURUS

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA (“Unit Amanah”), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti berkenaan di Malaysia, setelah mengambilkira pengecualian yang telah diberikan kepada Unit Amanah, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Mac 2011, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 3 Mei 2011.

**TUN AHMAD SARJI
BIN ABDUL HAMID**
Pengerusi

**TAN SRI DATO’ SRI HAMAD KAMA PIAH
BIN CHE OTHMAN**
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

**AMANAH SAHAM MALAYSIA
PENYATAAN PEMEGANG AMANAH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2011**

Kepada Pemegang-Pemegang Unit
AMANAH SAHAM MALAYSIA

Kami, AmanahRaya Trustees Berhad telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011. Pada pendapat kami, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus telah mengurus AMANAH SAHAM MALAYSIA selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah mengikut Suratikatan, lain-lain peruntukan Suratikatan, Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011.

Kami juga berpendapat bahawa:

- (a) prosedur dan proses yang digunakan oleh Pengurus untuk menilai dan/atau menentukan harga unit AMANAH SAHAM MALAYSIA adalah mencukupi dan penilaian/penggunaan harga adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan, dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA;
- (b) penjadian dan pembatalan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan, Garispanduan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan; dan
- (c) Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit AMANAH SAHAM MALAYSIA sepertimana yang diisytiharkan oleh Pengurus adalah selaras dengan objektif pelaburan AMANAH SAHAM MALAYSIA.

Yang benar,
AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

HABSAH BINTI BAKAR
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
3 Mei 2011

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG- PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM MALAYSIA

Laporan penyata kewangan

Pada 3 Mei 2011, kami telah melaporkan pendapat kami ke atas penyata kewangan penuh Amanah Saham Malaysia bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011. Di dalam laporan kami, kami menyatakan:

“Kami telah mengaudit penyata kewangan Amanah Saham Malaysia (“Unit Amanah”), yang mengandungi Penyata Pendapatan Komprehensif, dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan.”

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap laporan kewangan

Pengurus adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan (Financial Reporting Standards - FRSS) di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk: penyediaan, pelaksanaan dan mengekalkan kawalan dalaman berkaitan penyediaan, pelaksanaan dan mengekalkan kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapan atau pecah amanah; memilih dan melaksanakan polisi perakaunan yang bersesuaian; dan membuat anggaran perakaunan yang bersesuaian berdasarkan situasi semasa. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan tersebut, berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit menurut Piawaian Pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan ini bebas dari kesilapan yang material.

Audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih adalah berdasarkan kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian keatas risiko kesilapan yang material pada penyata kewangan; sama ada disebabkan oleh pecah amanah atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko terbabit, kami mengambil kira kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan dan persembahan yang saksama Unit Amanah, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah. Audit juga termasuk menilai prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Pengurus Unit Amanah, di samping menilai gambaran keseluruhan yang diberikan oleh penyata kewangan.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-
PEMEGANG UNIT
AMANAH SAHAM MALAYSIA (SAMB.)**

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan di Malaysia bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Mac 2011 dan prestasi kewangannya, penyata perubahan dalam ekuiti serta aliran aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Lain-lain perkara

Laporan ini disediakan hanya kepada pemegang-pemegang unit Unit Amanah, sebagai sebuah badan, dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.

Hanafiah Raslan & Mohamad

AF: 0002

Akauntan Bertauliah

Ahmad Zahirudin Abdul Rahim

No. 2607/12/12(J)

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia

3 Mei 2011

AMANAH SAHAM MALAYSIA
PENYATA PENDAPATAN KOMPRENENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2011

	Nota	2011 RM	2010 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan faedah		148,063,311	115,688,112
Pendapatan dividen		363,700,448	261,739,567
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan		424,051,852	431,098,338
		<u>935,815,611</u>	<u>808,526,017</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurusan	5	123,530,000	108,652,000
Yuran pemegang amanah	6	300,000	300,000
Ganjaran juruaudit		22,000	17,000
Perbelanjaan pentadbiran		1,117,427	506,598
Rosot nilai dalam pelaburan disebut harga		5,676,069	34,863,366
		<u>130,645,496</u>	<u>144,338,964</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI		805,170,115	664,187,053
CUKAI	7		
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		<u>805,170,115</u>	<u>664,187,053</u>
Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:			
Ternyata		805,170,115	664,187,053
Tidak ternyata		-	-
		<u>805,170,115</u>	<u>664,187,053</u>
Pengagihan pelaburan	8	755,049,585	652,432,145
Pengagihan kasar dan bersih seunit		<u>6.38 sen</u>	<u>6.30 sen</u>
Tarikh pengagihan		<u>1 April 2011</u>	<u>1 April 2010</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

AMANAH SAHAM MALAYSIA
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2011

	2011 RM	2010 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada penjualan pelaburan	4,618,635,070	3,613,554,163
Pembelian pelaburan	(5,040,954,211)	(5,461,707,639)
Faedah pendapatan diterima	139,885,245	110,991,065
Pendapatan dividen diterima	329,823,562	225,927,017
Pembayaran yuran pengurusan	(123,530,000)	(108,652,000)
Pembayaran yuran pemegang amanah	(300,000)	(300,000)
Pembayaran lain-lain perbelanjaan	(784,483)	(423,599)
Cukai dikembalikan	-	59,575,910
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi dan pelaburan	(77,224,817)	(1,561,035,083)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Tunai diterima daripada penjadian unit	652,000,000	4,086,700,000
Tunai dibayar untuk pembatalan unit		(87,200,000)
Pengagihan dibayar	(652,432,145)	(406,872,273)
Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan	(432,145)	3,592,627,727
(PENGURANGAN)/PERTAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI	(77,656,962)	2,031,592,644
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	3,342,741,401	1,311,148,757
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	3,265,084,439	3,342,741,401
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	5,000	5,000
Instrumen pasaran kewangan		24,944,240
Deposit dengan institusi kewangan	3,265,079,439	3,317,792,161
	3,265,084,439	3,342,741,401

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

AMANAH SAHAM MALAYSIA
NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERKAHIR 31 MAC, 2011

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

AMANAH SAHAM MALAYSIA (berikutnya dirujuk sebagai “Unit Amanah”) ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Suratikatan bertarikh 13 April 2000, di antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad (“ASNB”), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad (ART), Amanah Raya Berhad serta Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam “Pelaburan Dibenarkan” seperti yang didefinisikan di bawah Klausa 1 Suratikatan. “Pelaburan Dibenarkan” termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 13 April 2000, dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 24 Suratikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad (“PNB”). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 2 Mei 2000.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 3 Mei 2011.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pendedahan kepada risiko ekuiti/pelaburan, risiko pasaran, kecairan/pembiayaan dana, kadar faedah dan kredit, timbul dalam perjalanan biasa urusan Unit Amanah. Unit Amanah mempunyai garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan berserta kawalan dalaman yang menentukan strategi perniagaan keseluruhan bagi mengurus risiko-risiko ini bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan modal pemegang unit, selari dengan objektif jangka panjang Unit Amanah.

Risiko Ekuiti/Pelaburan

Risiko ekuiti adalah pendedahan kepada perubahan nilai saham ekuiti atau aliran pendapatan yang datangnya daripada pemilikan ekuiti di dalam sebuah entiti yang diperbadankan.

Risiko pelaburan adalah risiko daripada pelaburan yang tidak dapat menyediakan kadar pulangan yang setara dengan tahap risikonya.

Pengurusan risiko ekuiti/pelaburan termasuk penelitian di dalam penapisan cadangan pelaburan menurut garis panduan dan prosedur pelaburan, komunikasi yang berterusan dan pengawasan yang teliti bagi prestasi syarikat-syarikat yang dilabur.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

Risiko Pasaran

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah akibat ketidakpastian dalam harga pasaran instrumen kewangan yang dilaburkan.

Unit Amanah menguruskan risiko pasaran secara aktif melalui garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio aset dan pelbagaian. Unit Amanah tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti-aktiviti spekulatif.

Risiko Kecairan/Pembiayaan Dana

Risiko kecairan atau pembiayaan dana adalah risiko apabila Unit Amanah tidak mampu untuk memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan.

Unit Amanah menguruskan aliran tunai operasi bagi memastikan kesemua keperluan dananya dipenuhi. Sebahagian daripada kaedah pengurusan dananya, Unit Amanah mengekalkan tahap tunai dan pelaburan yang boleh ditukar kepada tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerjanya

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar faedah yang berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Unit Amanah menguruskan risiko kadar faedah secara aktif dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan, dan semakan yang kerap ke atas kadar faedah dan jangkaan pasaran.

Risiko Kredit

Risiko kredit ialah risiko dimana kegagalan dari pihak yang berurusan untuk menunaikan kewajipan perdagangan yang muncul daripada perantara-perantara seperti broker saham dan institusi-institusi kewangan.

Unit Amanah menguruskan risiko kreditnya dengan penetapan polisi dan garis panduan bagi pelaburan dan had pendedahan pihak lain bagi mengurangkan konsentrasi risiko tersebut. Penilaian kredit dari semasa ke semasa dijalankan ke atas pihak-pihak tersebut.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian kos sejarah, kecuali yang seperti mana dinyatakan didalam dasar-dasar perakaunan di bawah dan menurut Piawaian Laporan Kewangan (Financial Reporting Standards - FRSS) dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti berkenaan di Malaysia, kecuali untuk pengecualian yang telah diberikan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

(b) Perubahan dalam Dasar-Dasar Perakaunan

Dasar-dasar perakaunan yang dipakai adalah konsisten dengan dasar-dasar perakaunan yang telah dipakai pada tahun lepas, kecuali adaptasi 'FRSS' yang baru dan telah diolah dan 'IC Interpretations' yang efektif untuk tahun

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(b) Perubahan dalam Dasar-Dasar Perakaunan (Samb.)

kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010. Selain daripada dasar-dasar perakaunan yang dibincangkan di bawah, lain-lain 'FRSs' yang baru dan telah diolah dan 'IC Interpretations' tidak memberi apa-apa impak yang signifikan kepada penyata kewangan Unit Amanah.

FRS 8 Operating Segments

FRS 8 yang menggantikan FRS114 Segment Reporting, memerlukan pendedahan informasi mengenai operasi segmen, berdasarkan informasi berkenaan komponen-komponen berkaitan dengan entiti yang tersedia untuk ketua operasi membuat keputusan bagi tujuan pembahagian sumber kepada segmen dan menganalisa prestasi segmen, menggantikan pendedahan informasi oleh Unit Amanah berdasarkan pendedahan primer (perniagaan) dan sekunder (lokasi).

Bagi tujuan pengurusan, Unit Amanah ini diuruskan secara satu bahagian primer, iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan-keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan

FRS 101 Presentation of Financial Statements (Revised)

FRS 101 yang telah diolah memperkenalkan perubahan kepada persembahan dan pendedahan dalam penyata kewangan. Dasar perakaunan yang telah diolah mengasingkan perubahan dalam ekuiti berkaitan dengan pemilik dan bukan pemilik. Penyata perubahan dalam ekuiti hanya mempersembahkan transaksi-transaksi berkaitan dengan pemilik, dan perubahan dalam ekuiti berkaitan dengan bukan pemilik dipersembahkan sebagai satu kenyataan yang lain. Dasar perakaunan yang telah diolah juga memperkenalkan penyata pendapatan komprehensif, yang mana semua item berkaitan pendapatan dan perbelanjaan dinyatakan di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan, bersama dengan semua item pendapatan dan perbelanjaan yang lain yang diakui di dalam ekuiti, sama ada di dalam satu penyata yang sama, atau di dalam dua penyata berasingan yang dikaitkan. Unit Amanah ini telah memilih untuk mempersembahkan penyata ini di dalam satu penyata.

Sebagai tambahan, penyata posisi kewangan awal tahun kewangan terdahulu yang terawal adalah diperlukan ekoran daripada perubahan dalam dasar perakaunan, pembetulan kesalahan atau klasifikasi item-item di dalam penyata kewangan.

Unit Amanah telah menggunakan FRS101 baru.

Amendments to FRS 132 Financial Instruments: Presentation and FRS 101 Presentation of Financial Statements - Puttable Financial Instruments and Obligations Arising on Liquidation

Perubahan kepada FRS132 dan FRS 101 menjadi efektif pada tahun

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(b) Perubahan dalam Dasar-Dasar Perakaunan (Samb.)

keuangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010. Perubahan kepada FRS 132 memerlukan entiti untuk mengklasifikasikan instrumen kewangan “puttable” sebagai ekuiti jika instrumen tersebut mempunyai kriteria-kriteria tertentu dan memenuhi ciri-ciri yang spesifik. Perubahan kepada FRS101 memerlukan pendedahan informasi tertentu berkaitan instrumen “puttable” yang diklasifikasikan sebagai ekuiti. Nilai ekuiti melambangkan nilai aset bersih (“NAB”).

Sumbangan Pemegang unit mempunyai ciri-ciri dan memenuhi kriteria-kriteria untuk diklasifikasikan sebagai instrumen ekuiti. Justeru itu, apabila Amendments to FRS 132 diguna-pakai, sumbangan pemegang unit bagi Amanah Saham Malaysia berjumlah RM11,865,000000 (31 Mac 2010: RM11,213,000000, 1 April 2010: RM7,213,500,000) telah diklasifikasikan semula daripada liabiliti kewangan kepada ekuiti. Pengagihan yang dibuat oleh Unit Amanah, jika ada, adalah dinyatakan sebagai dividen di dalam ekuiti di dalam tempoh yang mana ia diumumkan.

FRS 139: Financial Instruments: Recognition and Measurement, FRS 7: Financial Instruments: Disclosures

Unit Amanah adalah dikecualikan daripada mendedahkan kemungkinan kesan, jika ada, kepada penyata kewangan apabila penggunaan applikasi FRS 7 dan FRS 139 disebabkan pengecualian seperti yang terkandung dalam FRS 7 dan FRS 139.

(c) Piawaian Yang Diterbitkan tetapi Masih Tidak Berkuatkuasa

FRS yang baru dan diolah semula dan ‘IC Interpretations’ yang telah diterbitkan tetapi masih belum dikuatkuasakan untuk tempoh tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2011 dijangka tidak mempunyai kesan ketara pada permulaan aplikasinya.

(d) Pelaburan

(i) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga dan Sekuriti Modal Bercantum

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga dan sekuriti modal bercantum adalah sekuriti yang dibeli dan dipegang untuk pendapatan atau peningkatan nilai dan kebiasaannya dipegang hingga tarikh matang. Pelaburan ini dinyatakan pada kos dan dimana berkenaan, diselaraskan untuk pelunasan premium atau akreasi diskaun, yang dikira daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang. Sebarang peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktiraf di dalam untung atau rugi.

(ii) Saham Disebut Harga, Saham Tidak Disebut Harga, Saham Pinjaman/Waran, Pelaburan Amanah Hartanah (“REITs”) dan Skim Pelaburan Kolektif Tidak Disebut Harga

Pelaburan dalam saham disebut harga, pelaburan tidak disebut harga, saham pinjaman/waran, REITs dan skim pelaburan kolektif tidak

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(d) Pelaburan (Samb.)

disenaraikan dinyatakan pada kos tolak peruntukan rosot nilai yang kekal. Kos ditentukan berdasarkan asas purata wajar. Sebarang peruntukan rosot nilai yang kekal akan diktirafkan di dalam untung atau rugi.

- (a) Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia menyatakan bahawa hak untuk mengundi yang mewakili saham-saham yang dipegang oleh Unit Amanah, pada bila-bila masa pemilihan untuk pelantikan mana-mana pengarah di dalam syarikat yang dipegang, boleh diputuskan oleh Pengurus Unit Amanah atau Pemegang Amanah dengan syarat pemegang-pemegang unit memberi kuasa melalui resolusi majoriti dalam mesyuarat pemegang-pemegang unit yang diadakan untuk tujuan ini sahaja, seperti yang diperuntukkan oleh suratikatan.
- (b) Suratikatan menyatakan bahawa korum bagi mesyuarat perlu dihadiri oleh pemegang-pemegang unit atau wakil-wakil yang didaftarkan dimana pegangan unit mereka yang hadir berjumlah tidak kurang dari satu per-empat daripada unit dalam edaran. Memandangkan jumlah pemegang-pemegang Unit Amanah yang terlalu ramai, adalah tidak munabah untuk memanggil mesyuarat pemegang unit bagi tujuan memberi kuasa kepada Pengurus dan Pemegang amanah menggunakan kuasa untuk mengundi pada mana-mana pemilihan untuk pelantikan pengarah disyarikat-syarikat berkenaan.

Memandangkan Unit Amanah tidak berupaya untuk membuat undian bagi tujuan mendapatkan wakil didalam lembaga pengarah, Unit Amanah tidak berkeupayaan untuk menggunakan kuasa dan pengaruh yang signifikan keatas syarikat-syarikat berkenaan.

(iii) Instrumen Pasaran Kewangan

Pelaburan dalam kertas komersial dinyatakan menurut harga kos diselaraskan untuk pelunasan premium atau akreasi diskaun ke atas nilai par pada waktu perolehan, tolak sebarang kerugian rosot nilai yang kekal. Premium atau diskaun dilunaskan atau diakreasi ke atas baki jangkamasa sekuriti dari tarikh perolehan. Sebarang peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktiraf di dalam untung atau rugi.

(iv) Deposit dengan Institusi Kewangan

Deposit dengan institusi kewangan adalah dinyatakan pada kos.

(e) Jumlah Terhutang daripada/(kepada) Broker Saham

Jumlah terhutang daripada/(kepada) broker saham dibawa pada nilai kontrak.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(f) Pendapatan Belum Terima

Pendapatan belum terima dinyatakan pada nilai saksama yang boleh diperolehi.

(g) Pelbagai Pemiutang

Pelbagai pemiutang dinyatakan pada nilai kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar di masa hadapan untuk pembelian dan perkhidmatan yang diterima.

(h) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

Keuntungan/pendapatan daripada instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan diambil kira mengikut asas akrual menggunakan kaedah kadar faedah keuntungan efektif.

(i) Tunai dan Persamaan Tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi dimana perubahan dalam nilai mempunyai risiko yang tidak ketara.

(j) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan di dalam penyata posisi kewangan, merangkumi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, sekuriti modal bercantum, skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan, saham disebut harga, instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Dasar-dasar perakaunan atas pengiktirafan dan ukuran bagi perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Faedah, manfaat, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan.

4. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN PENTING

(a) Penilaian Kritikal Dibuat dalam Mengaplikasi Polisi Perakaunan

Penilaian dibuat oleh pengurus Pelaburan dalam proses mengaplikasi polisi perakaunan Unit Amanah berkaitan pelaburan adalah seperti berikut:

- (i) Pengurus pelaburan mengenalpasti samada pelaburan-pelaburannya adalah dirosot nilai mengikut beberapa indikasi-indikasi rosot nilai seperti, antara lain, kekurangan yang berpanjangan diantara harga pasaran dan jumlah yang dibawa, perubahan yang penting dengan kesan-kesan negatif terhadap pelaburan dan persembahan kewangan pelaburan merosot.
- (ii) Bergantung kepada asas dan industri yang berkaitan dengan pelaburan tersebut, penilaian dibuat oleh Pengurus Pelaburan untuk memilih cara-cara penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai yang didiskaunkan, aset nyata bersih, nilai aset ternyata bersih dan cara-cara purata nisbah harga pendapat sektor.

(b) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Setelah cara penilaian yang sesuai dipilih, Pengurus Pelaburan membuat beberapa andaian berkenaan masa depan bagi menganggar jumlah pelaburan yang boleh dituntut. Andaian ini dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang lain pada tarikh penyata aset dan liabiliti, mungkin mengandungi risiko penting yang mengakibatkan perubahan yang material terhadap jumlah pelaburan yang dibawa ke tahun kewangan seterusnya. Bergantung kepada pelaburan-pelaburan tertentu, andaian yang dibuat oleh Pengurus Pelaburan termasuk, antara lain, andaian terhadap aliran tunai masa hadapan yang dijangka, pertumbuhan pendapatan, kadar diskaun yang digunakan bagi tujuan aliran tunai yang didiskaunkan yang mana melibatkan risiko-risiko yang relevan, dan keputusan masa hadapan yang dijangka terhadap beberapa peristiwa lepas.

Sensitiviti terhadap perubahan dalam andaian.

Pengurus Pelaburan percaya bahawa tiada kemungkinan perubahan dalam kunci andaian yang disebutkan di atas yang mana boleh menyebabkan jumlah pelaburan yang di bawa secara materialnya melebihi jumlah yang boleh dituntut.

(c) Penilaian Rosot Nilai

Penilaian rosot nilai pelaburan-pelaburan yang terlibat dengan indikasi-indikasi rosot nilai telah dilaksanakan oleh Pengurus Pelaburan pada tahun semasa membawa kepada pengiktirafan rosot nilai pelaburan sebanyak RM5,676,069 (2010: RM34,863,366).

Nilai dibawa oleh pelaburan disebut harga pada 31 Mac 2011 dinyatakan di dalam Nota 12.

5. YURAN PENGURUSAN

Klausa 25(8) Suratikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1% setahun daripada Nilai Aset Bersih (“NAB”) boleh agih kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran pengurusan yang dikenakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011 ialah 1% (2010: 1%) setahun daripada NAB Unit Amanah.

6. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausa 25(7) Suratikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari masa ke semasa.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tahun berakhir 31 Mac 2011 ditetapkan pada RM300,000 (2010: RM300,000).

7. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan, 1967, dari tahun taksiran 2006 hingga 2016.

Tuntutan cukai merupakan cukai yang ditolak daripada punca atas pendapatan dividen yang diperolehi di Malaysia dan boleh dituntut daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Akta Cukai Pendapatan, 1967 telah dipinda baru-baru ini bagi memperkenalkan sistem cukai korporat “single-tier” bermula dari tahun taksiran 2008. Menurut sistem cukai korporat “single-tier”, pengagihan dividen kepada pemegang-pemegang saham adalah dikecualikan daripada cukai.

Walaupun bagaimanapun, akan terdapat tempoh peralihan selama 6 tahun (tahun taksiran 2008 hingga 31 Disember 2013) bagi membolehkan syarikat-syarikat yang mana memenuhi syarat-syarat tertentu, untuk meneruskan pembayaran dividen mengikut sistem imputasi terhad (peralihan). Dividen-dividen dibayar dalam sistem imputasi terhad (peralihan) tertakluk kepada cukai ditangan pemegang-pemegang saham. Pemegang-pemegang saham boleh menuntut cukai yang ditolak daripada sumber pembayaran dividen sebagai kredit cukai.

Syarikat-syarikat yang tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi membuat bayaran dividen mengikut sistem imputasi terhad (peralihan) diperlukan membuat bayaran dividen mengikut sistem cukai “single-tier”. Bermula dari 1 Januari 2014, semua syarikat perlu membayar dividen mengikut sistem cukai “single-tier”.

Jangkaan kesan terhadap Unit Amanah adalah seperti berikut:

Dalam tempoh peralihan, jika Unit Amanah menerima pendapatan dividen daripada syarikat-syarikat yang dilaburkan yang membayar dividen dalam sistem imputasi terhad (peralihan), Unit Amanah boleh terus membuat tuntutan bagi cukai yang ditolak daripada sumber sebagai tuntutan semula daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri, dengan syarat Unit Amanah memenuhi syarat-syarat tertentu.

7. CUKAI (SAMB.)

Walaubagaimanapun, tidak akan ada tuntutan cukai yang boleh dituntut oleh Unit Amanah jika dividen yang diterima melalui sistem cukai “single-tier” kerana dividen tersebut adalah dikecualikan daripada cukai dan maka dengan itu tiada cukai boleh ditolak daripada sumber pembayaran dividen.

8. PERUNTUKAN PENGAGIHAN

	2011 (RM)	2010 (RM)
Peruntukan bagi tahun semasa	<u>755,049,585</u>	<u>652,432,145</u>

Peruntukan tersebut merupakan pengagihan yang disyorkan pada tahun berakhir 31 Mac 2011 sebanyak 6.38 sen (2010: 6.30 sen) seunit yang akan diagihkan kepada pemegang-pemegang unit. Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit minima dalam bulanan yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit dalam tempoh dua belas bulan sebelum tarikh tahun kewangan berakhir.

Sumber Pengagihan

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber-sumber berikut:

	2011 (RM)	2010 (RM)
Pendapatan faedah	148,063,311	115,688,112
Pendapatan dividen	363,700,448	261,739,567
Keuntungan ternyata bersih daripada jualan pelaburan	<u>373,931,322</u>	<u>419,343,430</u>
	885,695,081	796,771,109
Tolak: Perbelanjaan	(130,645,496)	(144,338,964)
Jumlah pengagihan	<u>755,049,585</u>	<u>652,432,145</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit	6.38 sen	6.30 sen

9. UNIT DALAM EDARAN

	31.03.2011 Unit	31.03.2010 Unit
Jumlah unit yang dibenarkan	<u>13,000,000,000</u>	<u>13,000,000,000</u>
	31.03.2011 RM	31.03.2010 RM
Unit RM1 setiap satu dibayar penuh:		
Pada awal tahun	<u>11,213,000,000</u>	<u>7,213,500,000</u>
Penjadian unit untuk jualan	-	3,680,000,000
Penjadian unit untuk pengagihan pendapatan	652,000,000	406,700,000
	<u>652,000,000</u>	<u>4,086,700,000</u>

9. UNIT DALAM EDARAN (SAMB.)

	31.03.2011 RM	31.03.2010 RM
Tolak:		
Pembatalan unit		- (87,200,000)
Pada akhir tahun	<u>11,865,000,000</u>	<u>11,213,000,000</u>

Sepanjang tahun berakhir 31 Mac 2011, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 31 Mac 2011, PNB secara sah memegang 10,861,308 (31 Mac 2010: 3,200,222, 1 April 2009: 599,000) unit, merangkumi 0.09% (31 Mac 2010: 0.03%, 1 April 2009: 0.008%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

10. PENDAPATAN BELUM DIAGIHKAN

	31.03.2011 RM	31.03.2010 RM	01.04.2009 RM
Pada awal tahun	123,850,114	112,095,206	138,097,351
Pendapatan bersih selepas cukai	805,170,115	664,187,053	380,870,128
Total: Pengagihan tahun semasa	<u>(755,049,585)</u>	<u>(652,432,145)</u>	<u>(406,872,273)</u>
Pada akhir tahun	<u>173,970,644</u>	<u>123,850,114</u>	<u>112,095,206</u>

11. URUS NIAGA DENGAN INSTITUSI KEWANGAN DAN SYARIKAT BROKER SAHAM

Sepuluh syarikat broker saham/broker/dealer terbesar mengikut nilai urus niaga ialah seperti berikut:

Syarikat Broker	Nilai Urus Niaga		Yuran Broker	
	(RM'000)	(%)	(RM'000)	(%)
RHB Bank Berhad**	4,038,274	12.28	-	-
Public Bank Berhad*	3,226,626	9.81	-	-
Maybank Investment Bank Berhad **	2,570,451	7.81	4,061	25.41
MIDF Amanah Investment Bank Berhad **	1,935,744	5.88	2,775	17.37
CIMB Bank Berhad**	1,879,661	5.71	-	-
Malayan Banking Berhad *	1,780,314	5.41	-	-
RHB Investment Bank Berhad **	1,382,056	4.20	953	5.96
Hong Leong Bank Berhad **	1,341,002	4.08	-	-
Affin Investment Bank Berhad **	1,254,270	3.81	660	4.13
AmIslamic Bank Berhad **	867,165	2.64	-	-
Lain-lain	12,619,901	38.36	7,531	47.13
	<u>32,895,464</u>	<u>100.00</u>	<u>15,980</u>	<u>100.00</u>

11. URUS NIAGA DENGAN INSTITUSI KEWANGAN DAN SYARIKAT BROKER SAHAM (SAMB.)

ASNB dan PNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat broker saham tersebut.

- * PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat broker berkenaan.
- ** PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat broker berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri broker saham.

12. PUSING GANTI PORTFOLIO

	2011 (RM)	2010 (RM)
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	0.39 kali	0.42 kali

PGP dikira berdasarkan kepada nisbah purata di antara jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan untuk tahun kewangan, dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berbandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan PGP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

13. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	2011 (RM)	2010 (RM)
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	1.01%	1.03%

NPP dikira berdasarkan nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berbandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan harga jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan NPP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

14. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

ALAMAT PEJABAT-PEJABAT ASNB

KUALA LUMPUR*

ASNB Main Counter
First Floor, Balai PNB
201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Tel: 03-2050 5500
Fax: 03-2161 8852

SELANGOR*

Amanah Saham Nasional Bhd
Lot 2-1 & 2-2
Pusat Dagangan UMNO Shah Alam
Persiaran Damai Seksyen 11
40000 Shah Alam
Selangor
Tel: 03-5512 1366/5510 3155
Fax: 03-5513 7155

Amanah Saham Nasional Berhad
No. 7, Jalan Medan Niaga 2
Medan Niaga, Kuala Selangor
45000 Kuala Selangor

PUTRAJAYA*

Amanah Saham Nasional Bhd
Lot 27, Kompleks Perbadanan Putrajaya
Persiaran Perdana, Presint 3
62675 Putrajaya
Selangor
Tel : 03-8890 4880
Fax : 03-8890 4890

KEDAH*

Amanah Saham Nasional Bhd
27, Kompleks Shahab Perdana
Jalan Sultanah Sambungan
65200 Alor Setar
Kedah
Tel: 04-731 0770/731 1012/733 4603
Fax: 04-731 4140

PERLIS*

Amanah Saham Nasional Bhd
Lot 7, Jalan Indera Kayangan
01000 Kangar
Perlis
Tel: 04- 978 1110/978 1111/977 5702
Fax: 04-976 0800

JOHOR*

Amanah Saham Nasional Bhd
49, Bangunan Tabung Haji, Jalan Segget
80000 Johor Bahru
Jalan Segget
80000 Johor Bahru, Johor
Tel: 07-224 0077/227 2277
Fax: 07-223 2533

NEGERI SEMBILAN*

Amanah Saham Nasional Bhd
36, Jalan Tunku Hassan
70000 Seremban
Negeri Sembilan
Tel: 06-762 6239/763 8546/761 8451
Fax: 06-763 3384

TERENGGANU*

Amanah Saham Nasional Bhd
No 15, Jalan Batas Baru
20300 Kuala Terengganu
Terengganu
Tel: 09-630 1500/630 1501
Fax: 09-630 1506

PAHANG*

Amanah Saham Nasional Bhd
73, Tingkat Bawah
Jalan Tun Ismail
25000 Kuantan
Pahang
Tel: 09-517 8340/517 8341
Fax: 09-513 6694

MELAKA*

Amanah Saham Nasional Bhd
No. 12 & 13
Kompleks Perniagaan Al Azim
Jalan KPAA 1, Bukit Baru
75150 Melaka
Tel: 06-282 7361/284 0690
Fax: 06-283 9940

ALAMAT PEJABAT-PEJABAT ASNB

PULAU PINANG

Amanah Saham Nasional Bhd
No. 2777, Jalan Chain Ferry
Taman Inderawasih
13600 Perai
Pulau Pinang
Tel: 04-399 4378/399 4381
Fax: 04-399 4404

Amanah Saham Nasional Berhad*

A-12A-1
Lorong Bayan Indah 4
11900 Bayan Lepas
Pulau Pinang
Tel: 04-640 6522/640 6523
Fax: 04-640 6520

PERAK*

Amanah Saham Nasional Bhd
No.8 & 8A, Persiaran Greentown 1
Greentown Business Centre
30450 Ipoh
Perak
Tel: 05-255 5500/255 5505
Fax: 05-255 5506

Amanah Saham Nasional Berhad

No. 273, Jalan Intan 12
Bandar Baru Teluk Intan
36000 Teluk Intan
Perak
Tel: 05-621 5153/621 5163
Fax: 05-621 5150

SABAH

Amanah Saham Nasional Bhd*
Tkt Bawah & 1, Blok G Lot 55
Asiacity Phase 1B
Peti Surat 12149
88000 Kota Kinabalu
Sabah
Tel: 088-257 725/241 011
Fax: 088-218 814

Amanah Saham Nasional Bhd
TB 4287 & TB 4280
Tkt Bawah & 1 Town Ext II
Jalan Masjid Kompleks Fajar
91000 Tawau
Sabah
Tel: 089-779 389/779 390/779 391
Fax: 089-776 600

KELANTAN*

Amanah Saham Nasional Bhd
2983-V, Jalan Parit Dalam
15000 Kota Bharu
Kelantan
Tel: 09-741 9900/741 9909
Fax: 09-744 6663

SARAWAK

Amanah Saham Nasional Bhd*
Tingkat Bawah & 1
Lot 335 Seksyen 9 KTLDD
Jalan Rubber
93400 Kuching
Sarawak
Tel: 082-250 389/410 210
Fax: 082-250 313

Amanah Saham Nasional Bhd*

Lot 886 & 887, Block 9
MCLD Miri Waterfront
Commercial Centre
98000 Miri
Sarawak
Tel: 085-423 746/419 984
Fax: 085-423 384

Amanah Saham Nasional Bhd*

4C, Ground Floor
Lot 832 Jalan Sabu
95000 Sri Aman
Sarawak
Tel: 083-321 742
Fax: 083-323 233

Amanah Saham Nasional Bhd*

Lot 1007 & 1008
Jalan Kampung Nyabor
96000 Sibul
Sarawak
Tel: 084-314 967
Fax: 084-322 497

Amanah Saham Nasional Bhd*

Lot 15, Tingkat Bawah
Bandar Pasaraya Fasa 1
90000 Sandakan, Sabah
Tel: 089-210486/223530
Fax: 089-210597

Nota: * Pejabat ASNB Beroperasi Penuh

Pihak ASNB kini dalam proses menaiktaraf sistem ASNB di mana butir peribadi pemegang unit akan disatukan bagi semua unit amanah yang telah didaftarkan. Kami memohon kerjasama tuan/puan untuk mengemaskini maklumat-maklumat dibawah bagi melancarkan inisiatif ini. ☞

BORANG KEMASKINI MAKLUMAT PEMEGANG UNIT

1. Jenis Akaun Dewasa Remaja/Bijak

2. Maklumat Pemegang Unit

Nama : _____

No. Ahli: _____ No. K/P : _____

No. Telefon: (Pejabat) _____ (Rumah) _____ (Bimbit) _____

E-mel : _____

*Nama Bank: _____ *No akaun: _____

* Tuan/Puan adalah diminta menghantar bersama salinan buku akaun simpanan atau penyata akaun semasa sebagai pengesahan akaun pemegang unit.

3. Permohonan Pertukaran

Alamat Surat-menyurat : _____

Poskod : _____ Bandar/Negeri : _____

Pekerjaan : _____

PENGESAHAN PEMEGANG UNIT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa butir-butir yang telah diberikan adalah benar. Saya membenarkan pihak ASNB mengemaskini semua butiran tersebut bagi semua unit amanah saya yang telah berdaftar dengan pihak ASNB.

Tandatangan Pemohon/Tandatangan
Penjaga Berdaftar

Tarikh

Sila hantarkan ke pejabat ASNB yang berhampiran atau ke:

JABATAN PERHUBUNGAN PELANGGAN DAN EJEN
UG, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur
Tel: 03 - 2057 3000 / 03 - 2057 3111 Faks: 03 - 2050 5220
E-mel: asnbcare@pnb.com.my

UNTUK KEGUNAAN ASNB SAHAJA

Diterima Oleh :

Nama :

Tarikh :

Disahkan Oleh :

Nama :

Tarikh :

MAKLUMAT KORPORAT



Permodalan Nasional Berhad
(38218-X)



Amanah Saham Nasional Berhad
(67165-W)
Anak syarikat milik penuh PNB

PENGURUS

Amanah Saham Nasional Berhad (47457-V)
Anak syarikat milik penuh:
Permodalan Nasional Berhad (38218-X)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 4, Balai PNB,
201-A, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur
Tel: 03-2050 5500

LEMBAGA PENGARAH

Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid (Pengerusi)
Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman
Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin
Tan Sri Dato' Md. Desa bin Pachi
Dato' Seri Ainum binti Mohamed Saaid
Dato' Idris bin Kechot

PRESIDEN DAN KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman

PENGARAH EKSEKUTIF

Dato' Idris bin Kechot

SETIAUSAHA SYARIKAT

Puan Adibah Khairiah binti Ismail @ Daud
(MIA 13755)

PEGAWAI KANAN PEMATUHAN

Encik Paisol bin Ahmad

PEMEGANG AMANAH

AmanahRaya Trustees Berhad

JURUAUDIT

Tetuan Hanafiah Raslan & Mohamad

BANK

Malayan Banking Berhad
CIMB Bank Berhad

PEGUAMBELA & PEGUAMCARA

Tetuan Zain & Co.
Tetuan Zainal Abidin & Co.
Tetuan Marzuki Spawi & Co. (Sabah)
Tetuan Hamzah & Ong Advocates (Sarawak)

EJEN

Malayan Banking Berhad
CIMB Bank Berhad
RHB Bank Berhad
Pos Malaysia Berhad